

Hubungan Malaysia, Singapura tetap baik: Azmin

Pekan: Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali, menyangkal dakwaan bahawa hubungan dua hala antara Malaysia-Singapura berada pada tahap amat membimbangkan.

Beliau berkata, ini kerana kepeimpinan dua negara akan menggunakan kebijaksanaan masing-masing untuk keluar daripada pelbagai krisis yang sedang dihadapi.

"Saya tidak beranggapan hubungan antara dua negara ini seperti mana yang difikirkan walaupun terdapat beberapa isu sehingga boleh menguruhkan hubungan baik."

"Menerusi kebijaksanaan kepeimpinan kedua-dua negara saya percaya hubungan ini akan memberikan hasil yang cukup baik," katanya kepada media selepas ha-

dir Istiadat Pemasyhurat Sultan Pahang, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah ibni Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah di Istana Abu Bakar, di sini, semalam.

Pertikaian ruang udara

Beliau mengulas kenyataan Menteri Luar Singapura, Dr Vivian Balakrishnan yang dilaporkan agensi berita Reuters semalam, yang dipetik sebagai berkata hubungan antara Malaysia-Singapura disifatkan berada pada tahap amat membimbangkan berikutan pertikaian ruang udara dan perairan antara kedua negara.

Dalam perkembangan lain, Mohamed Azmin berkata Kerajaan Persekutuan memberi jaminan akan terus bekerjasama dengan

kerajaan Pahang di bawah naungan Al-Sultan Abdullah.

Katanya, pamasyhurat Al-Sultan Abdullah itu akan dapat mengukuhkan lagi hubungan kerajaan Pakatan Harapan (PH) dan kerajaan negeri yang dikuasai pembangkang.

"Rakyat Pahang pastinya bersyukur kerana memperoleh seorang Sultan yang adil dan sentiasa menyanjung rakyat, saya secara peribadi amat mengenali baginda dan sudah mengenalinya sejak 30 tahun lalu."

"Saya berharap hubungan ini terus kekal dan turut berbangga kerana baginda mewarisi takhta daripada Paduka Ayahandanya (Sultan Ahmad Shah) dan prosesnya berjalan lancar," katanya.

FOTO MUHAMMAD ASTRAF SARMI / BHJ



Ahli Parlimen Sembrong, Datuk Seri Hishammuddin Hussein berkata sesuatu kepada Mohamed Azmin pada Majlis Istiadat Pemasyhurat Sultan Pahang ke-6 di Bakarung Seri, Istana Abu Bakar, Pekan semalam.